

PP	KJ	KK	JUM
-	-	1	1

No. Kad Pengenalan: _____



**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT F41
KERTAS II**

Tarikh : 31 Oktober 2019 (Khamis)

Masa : 9.00 pagi – 12.00 tengah hari (3 jam)

Tempat : Kampus Kesihatan

ARAHAN KEPADA CALON

Kertas ini mengandungi **DUA (2)** bahagian seperti berikut:

Bahagian A : LIMA (5) soalan berbentuk esei disediakan. **Jawab TIGA (3)** soalan. Bahagian A bernilai 40 markah.

Bahagian B: TIGA (3) soalan berbentuk esei disediakan. **Jawab DUA (2)** soalan. Bahagian B bernilai 60 markah.

Calon **TIDAK DIBENARKAN** membawa keluar kertas soalan. Sila serahkan kertas soalan bersama-sama buku jawapan kepada Pengawas sebelum meninggalkan dewan.

Kertas soalan ini mengandungi 3 muka surat termasuk muka hadapan.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEBELUM DIARAHKAN

BAHAGIAN A

Jawab **TIGA (3)** soalan.

1. Pelan Strategik ICT (ISP) Universiti (2021-2025) akan mula disediakan pada tahun 2020. Cadangkan **TIGA (3)** rancangan strategik bersama sinopsis untuk diambil kira dalam ISP kali ini.
2. Bincangkan **SATU (1)** contoh implimentasi IoT yang boleh dilaksanakan di Universiti Sains Malaysia (USM) yang membawa impak yang besar kepada status Universiti sebagai sebuah Universiti Penyelidikan.
3. Terangkan konsep *gamification* dalam dunia ICT dan bincangkan pelaksanaannya di USM dari sudut pengajaran dan pembelajaran.
4. Statistik menunjukkan makin ramai staf yang terjebak dengan *phishing* menerusi emel. Rangkakan **SATU (1)** program kesedaran untuk warga Universiti di semua kampus mengenai pentingnya kefahaman isu *phishing* dan tindakan yang perlu diambil oleh staf sekiranya terjebak dengan situasi tersebut.
5. Cadangkan **SATU (1)** SOP (*Standard Operating Procedure*) untuk dipatuhi oleh staf keselamatan ICT dalam mendepani situasi apabila seseorang staf dilaporkan terjebak dalam situasi *phishing* (emel).

(40 markah)

BAHAGIAN B

Jawab **DUA (2)** soalan.

6. Jelaskan maksud *Unified Communications* (UC). Huraikan kelebihan perkhidmatan kolaborasi yang dapat memanfaatkan teknologi UC ini.

(30 markah)

7. Terangkan konsep pengkomputeran awan (*Cloud Computing*) dan kelebihanannya dari segi kos, prestasi, kebolehpercayaan dan produktiviti.

(30 markah)

8. Jelaskan apa yang dimaksudkan dengan *Application Programming Interface* (API) dan bagaimana ia berfungsi dalam pembangunan aplikasi. Berikan contoh.

(30 markah)

oooo0oooo